



School of  
Professional and  
Continuing  
Education  
(SPACE)

**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER 2 – SESSION 2018/2019  
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : DDSA 0053  
KOD KURSUS

COURSE NAME : PRINSIP PERAKAUNAN  
NAMA KURSUS

YEAR / PROGRAMME : PENGUKUHAN  
TAHUN / PROGRAM

DURATION : 2 JAM 30 MINIT  
TEMPOH

DATE : APRIL 2019  
TARIKH

INSTRUCTION : Answer all questions in the answer booklet provided.  
ARAHAN [Jawab semua soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.]

(You are required to write your name and your college's name on your answer script)  
(Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama kolej pada skrip jawapan)

NAME / NAMA PELAJAR	:	.....
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:	.....
YEAR / COURSE TAHUN / KURSUS	:	.....
COLLEGE NAME NAMA KOLEJ	:	.....
LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH	:	.....

This examination paper consists of 8 pages including the cover  
Kertas soalan ini mengandungi 8 muka surat termasuk kulit hadapan



## PUSAT PROGRAM KERJASAMA

### PETIKAN DARIPADA PERATURAN AKADEMIK ARAHAH AM - PENYELEWENGAN AKADEMIK

#### 1. SALAH LAKU SEMASA PEPERIKSAAN

- 1.1 Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana salah laku peperiksaan seperti berikut :-
  - 1.1.1 memberi dan/atau menerima dan/atau memiliki sebarang maklumat dalam bentuk elektronik, bercetak atau apa juu bentuk lain yang tidak dibenarkan semasa berlangsungnya peperiksaan sama ada di dalam atau di luar Dewan Peperiksaan melainkan dengan kebenaran Ketua Pengawas; atau
  - 1.1.2 menggunakan makluman yang diperolehi seperti di atas bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan; atau
  - 1.1.3 menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu semasa berlangsungnya peperiksaan; atau
  - 1.1.4 lain-lain salah laku yang ditetapkan oleh Universiti (seperti membuat bising, mengganggu pelajar lain, mengganggu Pengawas menjalankan tugasnya).

#### 2. HUKUMAN SALAH LAKU PEPERIKSAAN

- 2.1 Sekiranya pelajar didapati telah melakukan pelanggaran mana-mana peraturan peperiksaan ini, setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti dan disabitkan kesalahannya, Senat boleh mengambil tindakan dari mana-mana satu yang berikut :-
  - 2.1.1 memberi markah SIFAR (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan kursus yang berkenaan (termasuk kerja kursus); atau
  - 2.1.2 memberi markah SIFAR (0) bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.
- 2.2 Jawatankuasa Akademik Fakulti boleh mencadangkan untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999 bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.
- 2.3 Pelajar yang didapati melakukan kesalahan kali kedua akan diambil tindakan seperti di perkara 2.1.2 dan dicadang untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999.

**Jawab SEMUA soalan.**

**[JUMLAH 100 markah]**

**BAHAGIAN A**

Soalan Aneka Pilihan. Pilih jawapan yang betul untuk setiap soalan berikut:-

1. Simpan kira merupakan proses
  - A. merekod urus niaga dalam dua akaun yang berbeza
  - B. mengelas, merekod, mentafsir, melapor dan menganalisis maklumat kewangan
  - C. merekod urus niaga perniagaan secara tepat dan sistematik berasaskan sistem catatan bergu
  - D. menyediakan maklumat kewangan untuk membuat keputusan, perbandingan dan perancangan
2. Urus niaga persendirian tidak boleh dicatatkan dalam buku perniagaan. Amalan ini ialah konsep
  - A. entiti berasingan
  - B. pemadanan
  - C. materialiti
  - D. tempoh perakaunan
3. Pada 1 Januari 2011, Encik Salleh telah membeli sebidang tanah pada harga RM15,000. Pada 31 Disember 2018, harga pasaran tanah tersebut telah meningkat kepada RM50,000. Catatan dalam buku perniagaan masih menunjukkan harga tanah sebagai RM15,000. Ini merujuk kepada prinsip
  - A. pemadanan
  - B. kos sejarah
  - C. tempoh perakaunan
  - D. wang sebagai ukuran
4. Antara butir-butir berikut, yang manakah dikelaskan sebagai aset?
  - I. Tunai, Penghutang
  - II. Overdraf Bank, Modal
  - III. Pembiayaan, Pinjaman
  - IV. Kenderaan, Stok

A. I dan II	C. II dan III
B. I dan IV	D. II dan IV

5. Jadual di bawah menunjukkan aset dan liabiliti seorang peniaga pada 30 Jun 2018

	RM
Kenderaan	25,000
Stok	5,840
Penghutang	1,210
Overdraft Bank	2,720
Pembiutang	500

- Hitungkan modal beliau pada tarikh tersebut.
- A. RM28,830
  - B. RM34,270
  - C. RM32,850
  - D. RM27,410
6. Pernyataan berikut berkenaan dengan dokumen perniagaan, yang manakah tidak benar?
- A. Borang pesanan – maklumat dalamnya tidak perlu direkodkan dalam perakaunan
  - B. Nota debit – untuk memberitahu pembeli tentang tambahan bayaran dalam invoice yang terkurang caj
  - C. Nota kredit – digunakan jika pembeli dikenakan bayaran lebih kerana pertukaran barang
  - D. Penyata akaun – sebagai suatu peringatan untuk meminta bayaran daripada pembeli
7. Apakah tujuan diskaun niaga?
- A. Menarik lebih ramai pelanggan
  - B. Mengelakkan berlakunya hutang laluk
  - C. Menggalakkan pembeli membayar segera
  - D. Menggalakkan pembeli membeli dengan kuantiti yang banyak
8. Berikut ialah butir-butir yang terdapat dalam Penyata Kedudukan Kewangan / Kunci Kira-Kira kecuali
- A. Nama perniagaan
  - B. Tajuk dan tarikh penyata
  - C. Ekuiti pemilik
  - D. Untung kasar
9. Berikut ialah butir-butir yang terdapat dalam Akaun Perdagangan dan Akaun Untung Rugi kecuali
- A. Stok awal dan akhir
  - B. Modal kerja
  - C. Belain dan jualan
  - D. Untung bersih dan kasar

10. Antara pernyataan berikut, yang manakah merupakan tujuan penyata bank dikeluarkan oleh pihak bank kepada pemegang akaun semasa?
- I. Memberitahu segala urus niaga yang berlaku antara kedua-dua pihak.
  - II. Memberitahu jumlah baki wang dalam akaun
  - III. Memudahkan pemegang akaun menyemak ketepatan catatan dalam Buku Tunai
  - IV. Memahami kegiatan perniagaan dan prestasi perniagaan
- A. I, II, dan III
  - B. I, III, dan IV
  - C. I, II, dan IV
  - D. II, III, dan IV

(Jumlah 10m)

#### BAHAGIAN B

1. Izzue seorang peniaga telah melabur sejumlah modal ke dalam perniagaan. Berikut adalah aktiviti perniagaan sepanjang bulan Mac 2019 :
- i. Izzue telah melabur RM15,000 tunai bagi memulakan perniagaan percetakan dengan nama Izzue CYBERprenuer Enterprise.
  - ii. Izzue telah membeli peralatan komputer secara kredit daripada ACE-Tech berjumlah RM7,000.
  - iii. Izzue telah menerima RM1,200 tunai daripada pelanggan bagi perkhidmatan diberi.
  - iv. Izzue telah menghantar bil kepada pelanggan Pustaka Ilham bagi perkhidmatan yang diberikan berjumlah RM1,500.
  - v. Izzue membayar gaji kerani bagi bulan semasa RM800 secara tunai.
  - vi. Izzue telah mengambil RM1,200 tunai bagi kegunaan peribadinya.

#### Dikehendaki:

Merekodkan setiap urusniaga tersebut dengan menggunakan format catatan bergulung seperti berikut:-

No	Debit	Kredit
i.	Akaun Tunai	Akaun Modal - Izzue

(Jumlah 10m)

2. Maklumat berikut diambil daripada buku catatan Batek Aafiya untuk bulan Mac 2019:

BUKU TUNAI BATEK AAFIYA						
Tarikh	Butiran	Jumlah RM	Tarikh	Butiran	No. Cek	Jumlah RM
1 Mac	Baki b/b	29,100	1 Mac	Pembekal Sutera	501	1,740
4 Mac	Noorden Batik	1,350	6 Mac	Gaji	502	2,050
5 Mac	Noorden Batik	2,050	13 Mac	Best Ink Co	503	2,100
8 Mac	Kedai Cenderamata	1,800	16 Mac	Belanja perjalanan	504	900
13 Mac	Jualan	1,050	23 Mac	Sewa	505	2,500
20 Mac	Aneka Kraft	960	28 Mac	Design Batik	506	2,600
25 Mac	Design Budaya	550	29 Mac	Citrawarna	507	1,200
29 Mac	Noorden Batik	4,200	30 Mac	Majalah Seni Batik	508	550
31 Mac	Jualan	2,000	31 Mac	Baki h/b		29,420
		43,060				43,060

**BANK PERDAGANGAN  
PENYATA BANK UNTUK BULAN MAC 2019**

**BATEK AAFIYA  
BESUT, TERENGGANU**

Tarikh	Butiran	Dr RM	Cr RM	Baki RM
Mac 1	Baki			29,100
3	500501	1,740		27,360
3	Buku Cek	50		28,610
4	Pindahan Kredit		2,000	29,310
	Deposit Cek		1,350	30,660
5	Deposit Cek		2,050	32,710
9	Deposit Cek		1,800	34,510
10	Arahan Bayaran	1,200		33,310
10	500502	2,050		31,260
13	Tunai		1,050	32,310
15	Cek Dikembalikan		1,800	30,510
18	500503	2,100		28,410
18	Cek Tunai 500504		900	27,510
24	Deposit Cek		960	28,470
30	500507	1,200		27,270
30	500505		2,500	24,770
31	Caj Bank		10	24,760

**Dikehendaki:**

- a. Sediakan buku tunai terlaras. (8m)
- b. Sediakan penyata penyesuaian bank untuk Batek Aafiya pada 31 Mac 2019. (8m)
- c. Senaraikan DUA kelebihan penyediaan penyesuaian bank secara berterusan. (4m)

(Jumlah 20m)

3. Farah Trading mempunyai baki-baki berikut dalam akaun pada bulan Mac 2019:

Bangunan	RM75,000	Pembiayaan Rezza	RM 2,700
Kenderaan	RM 4,500	Pengutang Hariz	RM 472
Lengkapan	RM 6,000	Pembiayaan Billy	RM 600
Stok	RM 1,289	Pengutang Noryn	RM 620
Tunai	RM 8,450	Modal	RM ???
Bank	RM15,675		

Transaksi sepanjang bulan Mac adalah:

- 1 Bayar sewa dengan cek RM 250
- 2 Belian secara kredit daripada Billy RM 200, Hasan RM 560 dan Gan RM 380
- 5 Jualan secara kredit kepada Ogy RM 560, Ben RM 878 dan Sam RM 298
- 7 Bayar belanja kenderaan RM 130 dan bil elektrik RM 750 secara tunai
- 9 Tulis cek RM 200 untuk kegunaan peribadi pemilik  
Jualan tunai RM 6,000 (depositkan 75% ke dalam akaun bank)
- 11 Jualan kepada Ben RM 220, Pyan RM 367 secara kredit  
Membeli perabot secara kredit daripada Syarikat Oman RM 2,100
- 13 Pulangan jualan oleh Ogy RM 60 dan Sam RM 18
- 15 Beli kenderaan daripada Yezza Motor secara kredit RM 13,000 dan membayar deposit dengan cek RM 3,000
- 18 Terima cek daripada Hariz, Noryn dan Sam untuk penjelasan hutang masing-masing dan beri diskaun sebanyak 5%
- 20 Pulangan kepada Gan RM 80
- 22 Beli daripada Jaclyn RM 890 dan Billy RM 720  
Beli alatulis pejabat RM 750 tunai  
Jualan tunai RM 8,400 (depositkan 80% ke dalam akaun bank)
- 24 Bayar cek kepada Billy RM 750 dan Rezza RM 2,200. Billy dan Rezza memberi diskaun sebanyak 5%
- 27 Bayar upah belian dengan cek RM 650  
Bayar sewa kedai RM 2,200 dengan cek  
Bayar gaji dengan cek RM 700
- 28 Jualan tunai RM 4,500 (depositkan 75% ke dalam akaun bank)
- 31 Bayar Yezza Motor dengan cek RM 1,500

Dikehendaki:

Merekodkan semua urus niaga di atas ke dalam Buku Catatan Pertama termasuk Buku Tunai bagi bulan Mac 2019.  
(30m)

4. Baki-baki berikut diperoleh daripada Imbangan Duga Perniagaan BEEKITTA pada 31 Mac 2019:

	Dr (RM)	Cr (RM)
Modal		105,500
Belian / Jualan	305,290	422,150
Ambilan	1,780	
Pulangan Masuk	1,920	
Diskaun Diberi / Diterima	1,340	60
Angkutan Keluar	2,180	
Cetakan & Alatulis	2,100	
Belanja Kenderaan Bermotor	2,600	
Angkutan Masuk	1,760	
Sewa Diterima		3,750
Elektrik & Air	12,550	
Gaji dan Upah	34,300	
Pinjaman dari DDPW Bank		40,000
Tunai di Bank	6,280	
Inventori Awal	32,990	
Penghutang / Pembiutang Niaga	82,760	38,190
Premis	80,000	
Kenderaan Bermotor	28,000	
Perabot dan Lengkapian	13,800	
	609,650	609,650

Maklumat tambahan:

Inventori pada 31 Mac 2019 ialah RM34,950

Dikehendaki:

- a. Sediakan Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Mac 2019. (18m)
  - b. Sediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2019. (12m)
- (Jumlah 30m)

- SOALAN TAMAT -

Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong

[ *This page is purposely left blank* ]

**Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong**

*[ This page is purposely left blank ]*

